

## **Pembangunan Pelancongan dan Impaknya terhadap Persekitaran Fizikal Pinggir Pantai**

JAMALUDDIN MD. JAHI

### **ABSTRAK**

*Sejak lebih tiga dekad yang lalu industri pelancongan negara telah berkembang dengan begitu pesat sekali. Perkembangan ini, terutamanya pada peringkat awal lagi telah menjadikan zon pinggir pantai sebagai daya tarikan utama industri pelancongan negara. Kini, walaupun banyak destinasi pelancongan lain yang begitu pelbagai telah dibangunkan, kawasan pinggir pantai masih lagi menjadi tumpuan bukan hanya oleh pelancong luar negara, tetapi juga pelancong domestik. Sehubungan dengan kemajuan industri ini dan kepentingannya dalam menjana pendapatan penduduk setempat, pengusaha dan negara, impak negatifnya terhadap zon pinggir pantai juga sedang meningkat. Perkara ini adalah kerana zon pinggir pantai merupakan suatu zon yang bukan hanya paling dinamik, tetapi juga rapuh. Sehubungan dengan itu jumlah pengunjung ke sesuatu destinasi pelancongan, aktiviti dan jangka masa penggunaan kawasan tersebut sekiranya dilampaui mampu menyebabkan kemerosotan destinasi pelancongan tersebut. Impak negatif terhadap persekitaran fizikal seperti kehilangan habitat, masalah pencemaran, hakisan, dan pemendapan biasanya tidak begitu mudah untuk dilihat dan sukar pula untuk diberikan nilai ekonomi dalam suatu jangka masa yang singkat. Namun, aktiviti manusia di zon pinggir pantai didapati telah bukan hanya mengganggu, tetapi juga mempercepatkan proses fizikal pinggir pantai untuk bertindak. Aktiviti membangunkan sesuatu destinasi pelancongan sendiri menyebabkan kepupusan habitat semula jadi. Apabila destinasi tersebut telah beroperasi dengan pelbagai aktiviti pelancong mampu menyebabkan masalah hakisan pinggir pantai, pemendapan dan juga pencemaran sehinggakan ada kalanya destinasi tersebut "ditinggalkan" oleh pelancong. Oleh kerana industri pelancongan merupakan penyumbang besar terhadap pendapatan negara, dicadangkan supaya diwujudkan suatu sistem pengurusan zon pinggir pantai bersepadu yang mampu memandu ke arah pembangunan pelancongan berterusan.*

#### ABSTRACT

*The tourism industry in this country has developed tremendously since about three decades ago. The tourism development, especially during the initial stage has made the coastal zone as the main attraction of the country's tourism industry. Presently, even though several other tourism destinations have been developed, the coastal areas are still attracting not only foreign tourists, but also domestic tourists. In line with the achievement of tourism industry and its importance to generating income to the local population, tourism operators and the nation as a whole, its negative impact on the coastal zone is also on the rise. This is because the coastal zone is not only very dynamic, but also fragile. As such, the number of visitors to tourism destination, their activities and the duration of use if exceeded its optimum limit may deteriorate the tourism destination. Negative impacts on the physical environment such as the loss of habitat, problem of pollution, erosion, and sedimentation are not easily observable, let alone to be given an economic value within a short time. Nevertheless, human activities in the coastal zone not only have disturbed, but also intensified coastal physical processes. Infact, the activity of developing a tourism destination causes the loss of natural habitat. After the destination has been in operation with various activities it can cause coastal erosion problem, sedimentation and pollution that may lead to the destination being 'abandoned' by tourists. Since tourism industry is a major contributor to the national income, it is suggested that an integrated coastal zone management system be created in order to have sustainable tourism development.*

#### PENGENALAN

Pelancongan bukanlah sesuatu yang baru. Sejak dulu lagi sektor pelancongan telah menjadi nadi penggerak ekonomi beberapa buah negara. Dalam era globalisasi kini, banyak negara dunia berlumba-lumba memajukan industri pelancongan untuk tukaran wang asing yang lumayan. Malahan banyak juga negara yang menggalakkan pelancongan dalam negara untuk menjana pertumbuhan ekonomi di sekitar destinasi pelancongan. Dalam rangka membangunkan industri tersebut banyak kawasan yang mempunyai keunikan semulajadi dibuka dan dimajukan untuk tujuan pelancongan, sama ada melalui evolusi ataupun dibuka dengan sengaja oleh pihak-pihak tertentu.

Negara ini amat bertuah mempunyai alam semulajadi yang indah, unik dan pelbagai seperti hutan hujan tropika, iklim dan cuaca yang tidak melampau, banjaran gunung, pulau dan pantai serta pelbagai spesies flora dan fauna. Dalam rangka mencapai kemajuan hidup dan pembangunan,

manusia amat bergantung pada sumber semulajadi di mana hampir semua aktiviti yang dijalankan melibatkan sama ada secara langsung ataupun tidak langsung penggunaan sumber semulajadi berkenaan. Pertambahan penduduk, peningkatan kualiti hidup dan keperluan memenuhi masa senggang serta proses globalisasi kini telah meningkatkan lagi kadar penggunaan sumber semulajadi. Sehubungan dengan peningkatan penggunaan tersebut, keunikan kawasan pinggir pantai negara dengan tarikan pantai yang indah, terumbu karang, pulau dan sinaran matahari sepanjang tahun, menjadi sebagai salah satu daripada kawasan yang mempunyai kemampuan untuk memenuhi permintaan untuk tujuan pembangunan pelancongan, rekreasi dan peranginan. Bagaimanapun, proses pembangunan pelancongan, sama ada yang dirancang ataupun tidak, mampu menyebabkan kemerosotan persekitaran fizikal di zon pinggir pantai apabila daya tampung sesuatu destinasi itu dilampaui.

Makalah ini adalah bertujuan memaparkan tentang kepentingan persekitaran fizikal zon pinggir pantai, pembangunan pelancongan serta impaknya terhadap persekitaran fizikal zon pinggir pantai, dan kepentingan mewujudkan sistem pengurusan zon pinggir pantai bersepadu untuk menjamin pembangunan berterusan industri pelancongan.

#### PERSEKITARAN FIZIKAL PINGGIR PANTAI

Sehingga kini masih belum terdapat satu takrifan zon pinggir pantai yang diterima pakai oleh setiap pengkaji daripada pelbagai disiplin. Secara umumnya istilah zon pinggir pantai masih didasari oleh kepentingan sesuatu bidang ilmu sama ada daripada segi kepentingan fizikalnya, kepentingan pelbagai sumberjaya yang terdapat, kepentingan ekonomi dan perdagangan, kepentingan penyelidikan dan saintifik, kepentingan arkeologi, ataupun untuk tujuan politik, dan pertahanan.

Secara umumnya, zon pinggir pantai adalah merupakan pertembungan kritikal antara daratan, laut dan atmosfera. Zon tersebut dapat didefinisikan sebagai suatu jaluran daratan dan ruang laut yang bersebelahan dengannya (perairan pinggir pantai dan tanah yang tenggelam) yang saling bergantung diantara satu dengan lain. Menurut Ketchum (1972), zon pinggir pantai terdiri daripada unsur-unsur yang terdapat pada tiga zon utama yang saling bergantung, iaitu daratan, teteluk-muara sungai yang cetek, dan marin, ataupun ditinjau daripada sudut lain zon ini terdiri daripada dataran pinggir pantai, zon pesisir, dan zon hampir pesisir (Inman & Brush 1973).

Jelasnya zon pinggir pantai adalah merupakan suatu zon yang paling dinamik dan juga rapuh. Kedinamikan zon pinggir pantai terletak pada kewujudan faktor-faktor fizikal daratan yang terdiri daripada batuan, pantai dan bentuk-bentuk lain yang terdiri daripada bahan yang tidak terkonsolidat, muara sungai, paya, dan terumbu karang di samping faktor-faktor fizikal lautan yang semestinya melibatkan perairan pinggir pantai dan agen-agen yang bertindak terhadap persekitaran fizikal zon pinggir pantai seperti ombak, arus, pasang surut, dan angin. Tindakan faktor fizikal lautan serta tindakbalas yang diwujudkan berlaku berterusan secara semulajadi dalam rangka mewujudkan suatu keadaan keseimbangan dinamik yang boleh dikesan secara keratan rentas ataupun keratan memanjang. Zon pinggir pantai dianggap rapuh kerana apa sahaja bentuk gangguan di zon pinggir pantai mampu menyebabkan perubahan. Malahan setiap perubahan pula akan mempengaruhi tindakan yang seterusnya. Sekiranya sesuatu gangguan hanya menyebabkan perubahan yang kecil, biasanya agen-agen yang bertindak mampu memulihkan keadaan secara semulajadi (Jamaluddin Md. Jahi. 1996, 2000a, 2000b). Bagaimanapun, sekiranya gangguan itu berterusan dan melampaui had kemampuan untuk pemulihan secara semulajadi oleh agen-agen yang bertindak, biasanya gangguan berkenaan akan menimbulkan masalah dan menyebabkan kemerosotan kualiti persekitaran fizikal sesuatu zon pinggir pantai.

Umum mengetahui bahawa masyarakat pinggir pantai bergantung pada sumber semula jadi pinggir pantai untuk sumber makanan dan kehidupan mereka. Ikan menjadi sebahagian penting keperluan protein, sementara hutan paya bakau menjadi sumber pelbagai produk. Penggunaan secara tradisional mempunyai impak yang kecil terhadap zon pinggir pantai. Bagaimanapun, pembangunan pesat dalam bidang pertanian, akuakultur, industri dan pemandaran telah bukan hanya mengganggu ekosistem zon pinggir pantai, tetapi memusnahkannya. Pembangunan bandar, industri, pertanian, pembalakan, infrastruktur dan perlombongan di kawasan pedalaman juga telah menyebabkan pempadatan dan pencemaran di zon pinggir pantai.

Sebenarnya di zon pinggir pantai terdapat beberapa tempat yang menarik yang mampu menjadi tarikan pelancong dan juga untuk tujuan pembangunan pelancongan. Di seluruh dunia tarikan utama pelancong di zon pinggir pantai adalah kewujudan pantai yang cantik berserta sinaran matahari, mempunyai persekitaran yang bersih, landskap yang menarik, serta perairan pinggir pantainya yang bersih dan juga selamat. Di kawasan tropika seperti di negara ini, tarikan pelancong bukan hanya bergantung pada pantai dan persekitarannya, tetapi juga disebabkan

keunikan terumbu karang, dan paya bakau yang kaya dengan kepelbagaian flora dan faunanya.

#### PELANCONGAN DAN PEMBANGUNAN PELANCONGAN

Pelancong adalah mereka yang berada di luar kawasan tempat tinggal mereka. Mathieson & Wall (1982), mengatakan bahawa pelancongan melibatkan pergerakan sementara manusia kepada destinasi di luar tempat kerja biasa dan tempat tinggal. Pelancongan juga melibatkan aktiviti yang dilakukan di tempat yang dituju dan kemudahan yang diwujudkan untuk menampung keperluan mereka. Berdasarkan definisi tersebut, pelancongan bukanlah hanya melibatkan kemasukan pelancong dari luar negara sahaja, malahan juga pelancong tempatan yang bermalam di destinasi pelancongan.

Industri pelancongan merupakan di antara industri yang terbesar dan paling menguntungkan sejak beberapa dekad yang lalu. Industri ini mampu menjana ratusan industri lain yang bergantung sama ada secara langsung ataupun tidak langsung dengannya dan mewujudkan jutaan pekerjaan dan pembahagian pendapatan. Industri pelancongan, umpamanya akan melibatkan industri pembinaan, perhotelan, pengangkutan, industri pembuatan, industri makanan dan pelbagai industri perkhidmatan yang lainnya. Langkah memajukan ekonomi seiring dengan proses globalisasi telah mendorong banyak negara untuk membangunkan sektor pelancongan untuk mempertingkatkan kemasukan wang asing.

Pembangunan pelancongan di zon pinggir pantai bukanlah merupakan sesuatu yang baru. Trend percutian di pinggir pantai dan masa bersantai bermula apabila “menghirup udara laut” menjadi suatu fesyen di penghujung kurun ke 18 dan awal kurun ke 19 di pinggir pantai negara-negara Eropah (Goodhead & Johnson 1996). Pada kurun ke 20 keadaan tersebut telah menjangkau ke kebanyakan pantai negara-negara maju termasuk di pinggir pantai Lautan Atlantik, Amerika Syarikat, dan sesetengah negara membangun. Dengan pertambahan kebebasan melancong pada bahagian kedua kurun ke 20, pembangunan pelancongan di pinggir pantai telah bertambah meluas dengan tumpuan kepada kawasan peranginan yang mempunyai iklim dengan sinaran matahari yang banyak. Malahan pelancongan pinggir pantai telah dikenalpasti sebagai salah satu daripada empat jenis pelancongan utama (United Nations 1995). Bagaimanapun, seperti lain-lain bentuk pembangunan, pelancongan juga mempunyai batas-batas tersendiri terutamanya dalam

konteks kemampuan sesuatu destinasi untuk menarik serta menampung kedatangan pelancong.

Menurut Butler (1980), pembangunan sesuatu destinasi pelancongan adalah melalui suatu proses evolusi, melainkan destinasi yang dirancang. Umumnya, pembangunan sesuatu destinasi pelancongan melalui empat tahap; iaitu tahap penerokaan, penglibatan, pembangunan, dan tepu. Pada tahap penerokaan alam sekitar yang cantik akan menarik sebilangan kecil pelancong yang mengatur sendiri lawatan mereka. Kegiatan mereka tidak mengikut mana-mana pola yang wujud kerana tidak ada kemudahan yang disediakan untuk pelancong. Dengan itu aktiviti pelancongan pada tahap ini tidak mewujudkan apa-apa kesan negatif terhadap persekitaran fizikal, maupun sosial.

Pada tahap penglibatan, penduduk tempatan biasanya akan melibatkan diri dengan menyediakan kemudahan asas untuk pelancong. Kemudahan asas yang disediakan biasanya pada peringkat kecil-kecilan sahaja. Pada tahap pembangunan pula akan terdapat perubahan yang ketara yang melibatkan penyediaan kemudahan moden yang lebih besar. Biasanya pelaburan modal yang besar akan datang dari luar. Pada tahap ini bukan hanya pelaburan yang datang dari luar, tetapi masyarakat luar juga terlibat. Pelbagai cara dilakukan pada tahap ini untuk menarik lebih ramai pelancong ke destinasi yang disediakan. Langkah-langkah promosi dan pemasaran akan turut dilakukan. Pada tahap ini biasanya persekitaran fizikal akan dieksploitasi sebanyak mungkin untuk menampung kunjungan lebih ramai pelancong.

Apabila persekitaran fizikal tidak lagi mampu untuk dieksploitasi untuk pembangunan seterusnya destinasi tersebut dianggap sudah mencapai tahap tepu. Pada peringkat ini bilangan pelancong telah melebihi daya tampung fizikal dan psikologi. Keadaan seperti ini akan menyebabkan daya tarikan destinasi berkenaan akan mula merosot dan mengakibatkan pelancong mencari destinasi alternatif (Sulong Mohamad 2000). Sekiranya perkara ini berlaku destinasi lama bukan hanya mengalami pengurangan pengunjung, tetapi juga akan mengakibatkan kemerosotan kualiti persekitaran fizikalnya. Butler (1980), mengatakan bahawa destinasi lama akan hanya dikunjungi semula apabila ia mampu memberikan saingan kepada destinasi baru.

## INDUSTRI PELANCONGAN DI MALAYSIA

Industri pelancongan di negara ini telah diterokai secara serius sejak tahun 1970an lagi. Penubuhan Perbadanan Pelancongan Malaysia (TDC) pada Ogos 1972, sebagai sebuah badan berkanun yang dipertanggung-

jawabkan untuk memajukan sektor pelancongan dan rekreasi negara serta Persidangan Kesatuan Pelancongan Kawasan Pasifik (PATA) di Kuala Lumpur pada tahun yang sama, telah membuka laluan yang lebih luas kepada industri pelancongan yang lebih terarah di negara ini. Pelan Pembangunan Pelancongan di negara ini telah diwujudkan seawal tahun 1985 dan membahagikan Semenanjung Malaysia kepada beberapa wilayah pelancongan yang sebahagian besarnya berteraskan zon pinggir pantai.

Ketika itu industri pelancongan masih belum merupakan satu industri yang maju. Bagaimanapun, selepas kejayaan Tahun Melawat Malaysia 1990, sumbangan sektor ini kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) terus meningkat. Malahan sumbangannya masih terus meningkat lagi selepas kegawatan ekonomi pada 1997/1998. Pada tahun 2000 ketibaan pelancong ke Malaysia telah pertama kalinya mencecah lebih 10 juta orang dengan pendapatan negara daripada sektor ini pada tahun tersebut sejumlah lebih RM 17.3 bilion. Pada 2008 terdapat sejumlah 22 juta pelancong yang melawat Malaysia dengan merekodkan pendapatan negara melebihi RM 49 bilion (Jadual 1). Statistik tersebut menunjukkan peningkatan yang amat ketara bukan hanya daripada segi jumlah kedatangan pelancong, tetapi juga sumbangan terhadap pendapatan negara.

Jadual 1. Ketibaan pelancong dan pendapatan daripada pelancongan, 1999-2008

Tahun	Ketibaan Pelancong (juta)	Pendapatan (RM juta)
1998	5.50	8,580.5
1999	7.93	12,321.3
2000	10.22	17,335.4
2001	12.78	24,221.5
2002	13.29	25,781.1
2003	10.58	21,291.1
2004	15.70	29,651.4
2005	16.40	31,954.1
2006	17.45	36,271.1
2007	20.90	46,070.0
2008	22.00	49,561.2

Sumber: Diubahsuai daripada Malaysia 2001; Tourism Malaysia 2009

Kepentingan industri pelancongan di negara ini amat jelas berdasarkan sokongan yang diberikan oleh kerajaan terhadap sektor ini. Semasa Rancangan Malaysia ke-7, kerajaan telah memperuntukkan

sejumlah RM 605.5 juta untuk pembangunan pelancongan (Jadual 2), dan untuk Rancangan Malaysia ke-8 kerajaan telah memperuntukkan lebih daripada RM satu bilion, iaitu pertambahan hampir 67 peratus daripada peruntukan sebelumnya. Kira-kira 76 peratus peruntukan tersebut diagihkan untuk tujuan pengindahan, kebersihan dan perlindungan alam sekitar, serta kemudahan dan infrastruktur. Di samping itu pihak kerajaan juga membelanjakan wang untuk memulihara tempat-tempat bersejarah, menaik taraf rumah-rumah rehat dan membina kemudahan awam dan mewujudkan landskap kawasan pelancongan. Malahan pihak kerajaan juga telah membina 16 buah hotel harga sederhana untuk menampung keperluan pelancong yang memerlukan penginapan seumpamanya (Malaysia 2001).

Sekiranya didasarkan kepada laporan penilaian impak alam sekitar yang telah dikemukakan dan diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar, ternyata bahawa industri pelancongan merupakan salah satu daripada aktiviti yang ditetapkan yang paling banyak dibangunkan di Semenanjung Malaysia. Dari tahun 1990 sehingga tahun 2001 sahaja terdapat sejumlah 90 laporan aktiviti rekreasi dan peranginan di zon pinggir pantai yang telah mendapat kelulusan untuk penilaian impak alam sekitarnya, di mana kira-kira 33 peratus daripadanya terdapat di negeri Kedah, terutamanya di Pulau Langkawi. Aktiviti yang mengemukakan laporan tersebut adalah merupakan projek yang besar-besarnya yang melibatkan pembangunan kawasan yang luas atau pembinaan hotel yang mempunyai lebih daripada 80 buah bilik. Ini bermakna lebih banyak lagi destinasi pelancongan yang lebih kecil saiznya yang telah dibangunkan di zon pinggir pantai tanpa memerlukan laporan penilaian impak alam sekitar.

Jadual 2. Peruntukan pembangunan untuk pelancongan, 1996-2005 (RM juta)

Program	RMKe-7 (1996-2000)	RMKe-8 (2001-2005)
Pemuliharaan warisan dan sejarah	56.0	125.0
Penginapan	49.0	35.5
Pengindahan, kebersihan dan perlindungan alam sekitar	89.2	295.3
Kemudahan dan infrastruktur	335.5	473.6
Lain-lain	75.8	79.6
<b>Jumlah</b>	<b>605.5</b>	<b>1 009.0</b>

Sumber: Malaysia 2001



Kini sektor pelancongan di negara ini giat memajukan beberapa aspek yang berkaitan dengan keperluan industri ini, umpamanya mempertingkatkan keupayaan tenaga kerja dalam sektor ini melalui latihan; pembangunan produk pelancongan seperti mempromosikan Malaysia sebagai destinasi peranginan bukit dan pulau, destinasi membeli-belah, dan upacara-upacara bertema. Promosi juga giat dijalankan untuk pelancongan sukan dan rekreasi, pelancongan ekologi, pelancongan pertanian dan program tinggal di rumah angkat, pelancongan budaya dan warisan, dan pelancongan pendidikan serta kesihatan. Malahan pihak kerajaan dan sektor swasta juga mengambil langkah mempertingkatkan kemampuan negara sebagai destinasi pameran, mesyuarat dan persidangan melalui pelbagai insentif (Malaysia 2001).

Di samping galakan dan sokongan padu yang diberikan oleh pihak kerajaan, pembangunan pelancongan banyak bergantung pada sektor swasta terutamanya dalam mewujudkan pelbagai kemudahan untuk industri tersebut. Malahan sektor swasta telah dengan secara aktifnya menggerakkan pertumbuhan industri pelancongan di negara ini melalui pelaburan pembinaan hotel dan projek-projek yang berkaitan dengan pelancongan. Jumlah hotel telah bertambah daripada 1,220 buah pada 1995 kepada 1,492 buah pada akhir tahun 2000. Bilik hotel pula bertambah pada 76.1 peratus daripada 76,370 pada tahun 1995 kepada 134,500 buah pada tahun 2000 (Malaysia 2001). Jelas kelihatan bahawa tidak kurang usaha yang telah dilakukan dalam sektor pelancongan di negara ini sehingga menjadikannya sebagai salah satu daripada penyumbang utama kepada pendapatan negara. Bagaimanapun, dalam keghairahan untuk meraih lebih banyak tukaran wang asing dan menjana pertumbuhan di kawasan-kawasan tertentu, kadang kala persekitaran fizikal tidak dijaga dengan baik dan menyebabkannya mengalami kemerosotan.

#### PEMBANGUNAN PELANCONGAN DAN IMPAKNYA DI ZON PINGGIR PANTAI

Sebenarnya bentuk pembangunan berkaitan pelancongan tidaklah berbeza daripada yang berkaitan pembangunan bandar atau industri; masalah nilai kawasan pedalaman yang tinggi dan juga keperluan untuk perlindungan zon pinggir pantai adalah serupa. Bagaimanapun, pembangunan pelancongan berbeza daripada segi intensiti dan bilangan orang di sesuatu tempat. Jumlah orang di sesuatu unit kawasan adalah lebih ramai

berbanding dengan kawasan bukan pelancongan yang sama luas dan oleh itu impaknya adalah lebih besar.

Menurut Southwick (1996), impak manusia terhadap alam sekitar fizikal adalah hasil interaksi sekurang-kurangnya tiga faktor asas: jumlah, aktiviti dan jangka masa. Pertalian ini boleh dinyatakan melalui formula mudah,

$$I_e = \text{fungsi } N.A.D.$$

dengan,

- I<sub>e</sub>** -- impak terhadap alam sekitar,
- N** -- jumlah atau bilangan peserta yang terlibat,
- A** -- jenis dan banyaknya aktiviti yang dilakukan, dan
- D** -- jangka masa aktiviti dilakukan di sesuatu tempat

Secara umumnya, apa sahaja bentuk pembangunan fizikal dan penggunaannya akan melibatkan sebilangan pengguna, **N**, yang menjalankan aktiviti mereka di tempat berkenaan, **A**, untuk suatu jangka masa tertentu, **D**. Dalam apa-apa konteks sekalipun, aktiviti yang dilakukan di sesuatu tapak mempunyai hadnya yang tersendiri dan mampu bertahan untuk sejumlah pengguna untuk suatu jangka masa tertentu sahaja. Keadaan tersebut akan membenarkan penggunaan yang optimum tanpa menyebabkan masalah terhadap tapak di mana aktiviti berkenaan berjalan. Apabila keadaan tersebut dilampaui alam sekitar akan mula mengalami kemerosotan, dan sekiranya tidak terdapat langkah-langkah positif yang diambil untuk menangani keadaan kemungkinan tapak tersebut akan musnah dan tidak boleh digunakan lagi.

Sebenarnya formula mudah ini boleh digunakan untuk menyatakan tentang daya tampung sesuatu kawasan atau persekitaran fizikal. Daya tampung adalah merupakan satu konsep mudah yang merujuk kepada satu titik atau takat di mana sekiranya dilampaui akan mewujudkan perubahan negatif atau kemerosotan kepada persekitaran fizikal dan pengalaman pelancong (Getz 1982, Mathieson & Wall 1982). Konsep ini boleh digunakan bagi sebarang jenis destinasi pelancong, sama ada persekitaran semulajadi ataupun yang dibangunkan oleh manusia. Setiap perbincangan tentang impak pelancongan perlu mengambilkira peranan penting yang dimainkan oleh daya tampung yang menunjukkan pertalian antara pengunjung dan sumber, terutamanya persekitaran fizikal.

Ini juga bermakna pembangunan pelancongan yang berlebihan dan tidak dirancang dengan baik mengimpak terhadap persekitaran fizikal

sesuatu destinasi. Pembangunan aktiviti peranginan dan rekreasi para pelancong sebenarnya boleh mendatangkan impak daripada beberapa sudut, umpamanya daripada segi fizikal, sosial dan estetik.

Kajian-kajian awal tentang impak pelancongan terhadap destinasi terfokus mengenai aspek-aspek ekonomi bukan hanya disebabkan impak seumpamanya lebih mudah dikira dan diukur, tetapi juga pelancongan membawa keuntungan bersih kepada tuan rumah destinasi pelancongan (Archer & Cooper 1995). Impak negatif terhadap persekitaran fizikal seperti masalah pencemaran, kehilangan habitat, hakisan, dan pemendapan biasanya tidak begitu mudah untuk dilihat dan sukar pula untuk diberikan nilai ekonomi dalam suatu jangka masa yang singkat. Tambahan pula, pelancongan lazimnya tertarik kepada persekitaran yang unik dan rapuh dan masyarakat setempat dan dalam kes-kes tertentu keuntungan ekonomi pelancongan mungkin dianggap dapat mengatasi akibat buruk persekitaran dan sosial pelancongan. Namun, sekiranya perancangan yang rapi dan menyeluruh, termasuk mengambilkira daya tampung sesuatu destinasi pelancongan dilakukan untuk pembangunan, keadaannya mungkin dapat dikawal.

Kajian yang dijalankan di Bali, Indonesia oleh Udayana State University (1975), dan beberapa kajian di Thailand oleh Smith (1992), Tridech (1993), dan (Wiseschinda & Sukasaem 1995), mendapati bahawa di samping impak positif terdapat banyak impak negatif pembangunan pelancongan terutamanya daripada segi sosial dan persekitaran. Pelancongan yang menjanjikan banyak peluang untuk mempertingkatkan taraf hidup rakyat tempatan juga menghasilkan masalah sosial yang semakin menyerlah umpamanya penyakit berkaitan seks, dadah, jenayah dan perubahan gaya hidup masyarakat di sekitar pantai Patong di Phuket, Thailand (Srirat Ketmuang 2003). Hitchcock et al. (1993), menyatakan bahawa pelancongan besar-besaran menyebabkan tekanan terhadap manusia dan persekitaran fizikal sesuatu destinasi pelancongan.

Di negara ini, konsep pelancongan yang telah lama wujud dalam bentuk 'matahari-laut-pemandangan' atau "3S" (*sun-sea-scenery*) masih menjadi tumpuan utama tarikan pelancong, walaupun terdapat banyak langkah diambil untuk memaju dan mempromosikan potensi pelancongan bentuk lain seperti '*eco-tourism, agro-tourism, geo-tourism, archaeo-tourism, education-tourism, health-tourism*' dan banyak lagi untuk mempelbagaikan destinasi pelancongan. Dengan pertambahan hotel, tempat penginapan dan lain-lain pusat pelancongan yang berkaitan yang dibina sehingga ke pantai telah menyebabkan kemerosotan kualiti estetik sesetengah pantai di Malaysia. Lebih teruk lagi apabila sesuatu destinasi

pelancongan itu mengalami masalah daripada segi hakisan, pemendapan, pencemaran, dan kepupusan pelbagai spesies flora dan fauna.

Walaupun agak sukar untuk mengatakan bahawa pelancongan menyebabkan hakisan dan pemendapan di zon pinggir pantai, terdapat aktiviti pembangunan kawasan destinasi pelancongan di zon pinggir pantai yang “mampu” menimbulkan masalah hakisan dan pemendapan. Proses hakisan dan pemendapan pinggir pantai sememangnya wujud secara semulajadi dalam rangka proses fizikal bertindak untuk mewujudkan keadaan pinggir pantai yang seimbang sama ada daripada segi pelan ataupun profil, aktiviti manusia dalam rangka pembangunan zon pinggir pantai sebenarnya telah banyak mengganggu proses fizikal yang bertindak. Malahan, aktiviti manusia di zon pinggir pantai didapati telah bukan hanya mengganggu, tetapi juga mempercepatkan proses fizikal pinggir pantai untuk bertindak.

Dalam proses pembangunan destinasi pelancongan, pada fasa pembinaan biasanya akan wujud masalah daripada segi hakisan tanah yang boleh menyebabkan bukan hanya pencemaran kelodak, tetapi juga pemendapan. Dalam konteks persekitaran fizikal, pemendapan adalah merupakan suatu proses yang baik sekiranya berlaku di tempat yang diperlukan. Tetapi, pemendapan bahan mendak seperti lumpur di pantai pelancongan dan rekreasi semestinya tidak dikehendaki kerana menjejaskan keindahan pantai dan mempengaruhi aktiviti pelancong.

Sesetengah destinasi pelancongan juga boleh menyebabkan wujudnya masalah hakisan pantai, terutamanya apabila wujud konflik dalam penggunaan zon pinggir pantai. Penggunaan yang tidak sepadan akibat perancangan yang tidak menyeluruh, ditambah pula dengan pembinaan struktur kejuruteraan di tempat-tempat tertentu di destinasi pelancongan itu sendiri mampu menyebabkan masalah hakisan pantai. Hakisan pinggir pantai akan menyebabkan sesuatu destinasi pelancongan kehilangan daya tarikannya (Jamaluddin Md. Jahi 1982).

Terdapat juga projek pembangunan pelancongan yang dibangunkan di kawasan sensitif alam sekitar seperti kawasan paya bakau yang ditebus guna, lagun, muara sungai yang cetek dan juga di atas pantai. Pembangunan kawasan-kawasan sensitif alam sekitar tersebut bukan hanya merosakkan ekosistem pinggir pantai, tetapi juga boleh menyebabkan masalah hakisan pinggir pantai yang serius di pantai-pantai berhampiran disebabkan gangguan terhadap hanyutan litoral dan pendedahan kawasan daratan kepada tindakan ombak dan arus (Jamaluddin Md. Jahi 1995).

Selain hakisan dan pemendapan, pencemaran sama ada di darat ataupun di perairan pinggir pantai telah terbukti disumbangkan juga oleh

aktiviti berkaitan pelancongan. Pembinaan tempat peranginan sama ada dalam bentuk hotel, apartmen ataupun chalet yang tidak disambungkan kepada sistem pemetungan terpusat biasanya menimbulkan masalah pencemaran perairan pinggir pantai bukan hanya daripada segi najis dalam bentuk cecair, tetapi juga dalam bentuk pepejal (Jamaluddin Md. Jahi 1995). Pembinaan apartmen di pantai Blue Lagoon, Port Dickson seawal 1985 menyebabkan bukan hanya wujud pencemaran najis tetapi juga pencemaran estetik disebabkan oleh paip saluran najis yang dibina di atas permukaan air yang dianjurkan ke laut. Setelah terdapat aduan dan bantahan daripada sekumpulan pencinta alam baharulah struktur yang hodoh itu dimusnahkan. Namun najis masih disalurkan ke laut melalui saluran di bawah permukaan pantai! Keadaan seperti ini banyak terdapat bukan hanya di sepanjang pantai Port Dickson, tetapi juga pantai-pantai destinasi pelancongan di seluruh negara.

Kajian yang dijalankan oleh Kadaruddin Aiyub (2000), tentang kualiti air pantai rekreasi di Semenanjung Malaysia menunjukkan bahawa terdapat banyak pantai rekreasi yang mengalami masalah pencemaran daripada pelbagai punca. Efluen cecair biasanya dilepaskan terus ke pantai akibat daripada kegagalan perancangan yang rapi untuk mewujudkan sistem pemetungan terpusat. Masalah pencemaran itu ditambah lagi oleh kemudahan pelancongan yang dikendalikan oleh pengusaha kecil-kecilan. Keadaan ini akan menyebabkan perairan pinggir pantai yang terdapat berhampiran akan tercemar dan menjadikannya tidak sesuai untuk aktiviti berasaskan air. Bahan pencemar bawaan air yang berpunca dari bangunan serta aktiviti pelancong mempunyai akibat langsung terhadap ekologi akuatik terutamanya menyebabkan pengurangan oksigen, dan ketoksikan (Abdul Aziz 1992).

Disamping itu terdapat masalah pencemaran bahan buangan pepejal di pantai dan juga di pulau-pulau peranginan. Di Pulau Redang dan Pulau Perhentian, Terengganu yang merupakan dua buah pulau yang menjadi tumpuan pelancong, masalah sampah sarap masih tidak dapat dibendung dengan sempurna walaupun terdapat insinerator. Malahan terdapat banyak pantai pelancongan dan peranginan popular di seluruh negara yang masih mengalami masalah sampah sarap yang tidak diuruskan dengan baik, dan ada juga pengusaha pusat-pusat pelancongan dan rekreasi yang membakar sampah sarap secara terbuka dan mewujudkan masalah pencemaran udara.

Masalah bahan mendak dikaitkan juga dengan kemerosotan kualiti air di perairan pinggir pantai dan impaknya terhadap hidupan akuatik serta batu karang. Banyak kawasan batu karang kini hampir pupus bukan

hanya disebabkan oleh pengambilannya oleh pelancong yang tidak bertanggungjawab, tetapi juga oleh masalah pencemaran bahan mendak.

Impak pembangunan pelancongan terhadap persekitaran fizikal di zon pinggir pantai sebenarnya memang sukar untuk dinyatakan dengan jelas dalam suatu jangka masa yang singkat. Bagaimanapun, kajian-kajian di beberapa destinasi pelancongan menunjukkan bahawa persekitaran fizikal pinggir pantai sememangnya mengalami masalah daripada pelbagai sudut akibat pembangunan pelancongan, dan aktiviti pelancong.

#### PENGURUSAN ZON PINGGIR PANTAI PELANCONGAN

Menyedari kepentingan industri pelancongan dan kemungkinan impaknya terhadap alam sekitar, beberapa buah negara di rantau Asia Tenggara seperti Thailand, Indonesia dan Filipina telah mengimplementasikan keperluan Laporan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) terhadap projek pembangunan rekreasi pinggir pantai pada tahun-tahun awal 1990'an. Di Malaysia, pindaan yang dilakukan kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974, melalui Seksyen 34A pada tahun 1985, telah memasukkan pembangunan rekreasi dan peranginan sebagai salah satu daripada aktiviti yang ditetapkan yang memerlukan kajian dan laporan penilaian impak alam sekitar dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar untuk kelulusan sebelum sesuatu projek dilaksanakan (Department of Environment 1994). Walaupun laporan penilaian impak alam sekitar telah dijadikan mandatori pada 1988, hanya pada 1990 baru terdapat laporan penilaian impak alam sekitar mengenai aktiviti rekreasi dan peranginan (Jadual 3). Laporan EIA untuk rekreasi dan peranginan 1988-2002 seperti yang dinyatakan sebelum ini telah sedikit sebanyak mengawal pembangunan yang tidak terancang di zon pinggir pantai. Namun, terdapat juga penggerak projek yang sengaja tidak mematuhi keperluan PIAS dengan mencari jalan supaya laporan tidak perlu dikemukakan, umpamanya dengan mengurangkan bilangan unit bangunan atau saiz sesuatu projek di bawah had yang ditetapkan. Projek pembangunan yang melibatkan saiz kawasan dan jumlah bilik yang kurang daripada yang ditetapkan tidak memerlukan laporan EIA untuk disediakan. Keadaan tersebut amat membimbangkan kerana dengan keuntungan yang mampu diperolehi melalui pembangunan pelancongan, banyak pengusaha kecil-kecilan juga menjalankan projek pembangunan destinasi pelancong.

Sebenarnya keperluan mengemukakan laporan penilaian impak alam sekitar hanyalah merupakan salah satu daripada cara untuk menangani

masalah yang mungkin wujud di zon pinggir pantai. Pengurusan zon pinggir pantai sebenarnya memerlukan pendekatan yang lebih bersepadu di mana perancangan menyeluruh diperlukan bukan hanya perancangan untuk sesuatu projek, tetapi juga dengan mengambilkira daya tampung sesuatu destinasi untuk mengelakkan beban terhadap kemudahan sedia ada ataupun prasarana yang dirancangan termasuklah sistem pembedungan terpusat dan rangkaian sistem pengangkutan. Telah banyak diperkatakan bahawa perancangan yang tidak menyeluruh ataupun perancangan hanya untuk satu-satu projek sahaja di zon pinggir pantai telah menyebabkan banyak kerosakan terhadap ekosistem zon pinggir pantai.

Mungkin dalam rangka untuk mewujudkan suatu bentuk pembangunan berterusan sektor pelancongan di zon pinggir pantai tidak perlu diwujudkan suatu sistem pengurusannya yang tersendiri. Oleh kerana pembangunan pelancongan zon pinggir pantai terangkum dalam bentuk pembangunan zon pinggir pantai secara umum, pengurusannya boleh diletakkan bersama-sama sistem pengurusan zon pinggir pantai bersepadu. Sistem pengurusan zon pinggir pantai bersepadu melibatkan cara-cara perundangan dan bukan perundangan.

Pengurusan zon pinggir pantai merupakan suatu proses yang digunakan untuk mencapai sesuatu set objektif dalam penggunaan sumber di zon pinggir pantai. Objektif asasnya melibatkan perlindungan, dan pemuliharaan zon pinggir pantai untuk kegunaan manusia, terutamanya melalui penggunaan yang berkualiti dan tidak merosakkan alam sekitar. Fungsi pengurusan adalah didasarkan kepada prinsip pengagihan sumber, penetapan suatu set keutamaan dan peraturan, termasuk bukan hanya penggunaan sumber di zon pinggir pantai sahaja, tetapi juga kawasan yang mempengaruhi zon pinggir pantai secara positif. Untuk mencapai objektif pengurusan zon pinggir pantai memerlukan pembentukan dasar, program dan pengubahsuaian institusi untuk memastikan kesemua keputusan dibuat secara betul, sistematik dan rasional (Ditton et al. 1977).

Dalam kerangka tersebut, pihak kerajaan mempunyai peranan yang penting dalam menguruskan zon pinggir pantai. Dasar dan peraturan kerajaan boleh menentukan cara dan jenis penggunaan di zon pinggir pantai. Malahan, sistem pemerintahan kerajaan di negara ini adalah merupakan satu nilai tambah untuk mencapai objektif pengurusan zon pinggir pantai (Jamaluddin Md. Jahi 1984). Pihak kerajaan pusat juga mempunyai keupayaan untuk mengkordinasikan pelaksanaan sesuatu projek pembangunan di zon pinggir pantai supaya akan terwujud suatu

sistem pengurusan zon pinggir pantai bersepadu untuk membolehkan pembangunan pelancongan berterusan.

#### KESIMPULAN

Tidak dapat dinafikan bahawa pelancongan mampu menjana pendapatan kepada sesebuah negara melalui tukaran wang asing. Namun, pengalaman beberapa buah negara menunjukkan pelancongan bukan hanya menimbulkan masalah daripada segi sosial tetapi juga daripada segi fizikal. Pembangunan pelancongan di zon pinggir pantai sepatutnya dilaksanakan melalui perancangan yang rapi dan bersepadu dengan mengambil kira kepentingan ekosistem di zon pinggir pantai. Pengenalpastian kawasan yang hendak dimajukan sahaja tidak memadai kerana perancangan pembangunan seharusnya mengambilkira bukan hanya persekitaran fizikal dan manusia di sesuatu kawasan sahaja, tetapi juga kawasan sekitar, negeri, negara dan wilayah kerana sesuatu destinasi pelancongan bukan hanya mempunyai daya tampung yang tersendiri daripada segi persekitaran fizikalnya, tetapi juga saingan daripada destinasi pelancongan yang lain.

#### RUJUKAN

- Abdul Aziz Ibrahim. 1992. Coastal zone development – the need for a balance between the need and environmental conservation. International Conference on “Environmental Protection and Control Technology”, organised by ENSEARCH, Kuala Lumpur, 28-31 October.
- Archer, B. & Cooper, C. 1995. The positive and negative impacts of tourism. Dlm. W.F. Theobald (ed.). *Global tourism: the next decade*. Oxford: Butterworth-Heinemann Ltd. Hlm. 73-91.
- Butler, R.W. 1980. The concept of a tourist area cycle of evolution: Implication for management of resources. *Canadian Geographer*, 24: 5-12.
- Department of Environment. 1994. *Environmental impact assessment guidelines for coastal resort development projects*. Kuala Lumpur: Department of Environment, Ministry of Science, Technology and the Environment.
- Ditton, R.B., Seymour, J.L. & Swanson, G.C. 1977. *Coastal resources management: Beyond bureaucracy and the market*. Massachusetts: Lexington Books.
- Getz, D. 1982. A rational and methodology for assessing capacity to absorb tourism. *Ontario Geography*, 19: 92-101.
- Goodhead, T. & Johnson, D. 1996. *Coastal recreation and management: The sustainable development of maritime leisure*. London: E & F.N. Spon Publishing.



- Hitchcock, M., King, V.T. & Parnwell, M.J.G. (eds.). 1993. *Tourism in South East Asia*. London: Routledge.
- Inman, D.L. & Brush, B.M. 1973. The coastal challenge. *Science*, July 6: 22.
- Jabatan Alam Sekitar. 1999. Laporan kualiti alam sekeliling 1998. Kuala Lumpur: Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.
- Jabatan Alam Sekitar. 2000. Laporan kualiti alam sekeliling 1999. Kuala Lumpur: Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.
- Jabatan Alam Sekitar. 2001. Laporan kualiti alam sekeliling 2000. Kuala Lumpur: Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.
- Jabatan Alam Sekitar. 2002. Laporan kualiti alam sekeliling 2001. Kuala Lumpur: Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.
- Jamaluddin Md. Jahi. 1982. The effect of beach erosion on the potentiality of Pantai Chinta Berahi, Kelantan, as a tourist resort: A preliminary investigation. Dlm. Ismail Ahmad & Jamaluddin Md. Jahi (eds.). *Geography and the Third World*. Collection of Working Papers 1, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia. Hlm. 149-157.
- Jamaluddin Md. Jahi. 1984. Development process and environmental deterioration: The need for a comprehensive coastal zone management system. *Proceedings of symposium on environment, development and natural resource crisis in Asia and the Pacific*. Penang: Sahabat Alam Malaysia. Hlm. 107-119.
- Jamaluddin Md. Jahi. 1995. Conflicts of coastal resource use and impacts of tourism development on coastal zone. Workshop on "Coastal Zone Management in Sarawak", organized by Angkatan Zaman Mansang (AZAM) Sarawak, Kuching, 20 – 21 December.
- Jamaluddin Md. Jahi. 1996. *Impak pembangunan terhadap alam sekitar*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jamaluddin Md. Jahi. 2000a. Zon pinggir pantai Malaysia: Antara kegunaan, tekanan penggunaan dan pengurusannya. Dlm. Jamaluddin Md. Jahi (ed.), *Pengurusan persekitaran di Malaysia: Isu dan cabaran*. Bangi: Pusat Pengajian Siswazah, Universiti Kebangsaan Malaysia. Hlm. 257-280.
- Jamaluddin Md. Jahi. 2000b. Pembangunan di zon pinggir pantai: Menangani konflik dan kemerosotan kualiti persekitaran. Dlm. Mohd Yusof Hussain, Nor Azizan Idris & Lukman Z. Mohamad (eds.). *Isu-isu pembangunan di awal Abad ke-21*. Bangi: Fakulti Sains Pembangunan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Hlm. 147-165.
- Kadaruddin Aiyub. 2000. Impak pembangunan ke atas kualiti air pantai rekreasi. Dlm. Mohd Yusof Hussain, Nor Azizan Idris & Lukman Z. Mohamad (eds.). *Isu-isu pembangunan di awal Abad ke-21*. Bangi: Fakulti Sains Pembangunan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Hlm. 133-146.
- Ketchum, B.H. (ed.). 1972. *The water's edge*. Cambridge, Massachusetts: MIT Press.

- Malaysia. 2001. *Eight Malaysia Plan 2001-2005*. Kuala Lumpur: Economic Planning Unit, Prime Minister's Department, Malaysia.
- Mathieson, A. & Wall, G. 1982. *Tourism: Economic, physical and social impacts*. New York: Longman.
- Smith, R.A. 1992. Coastal urbanization: Tourism development in the Asia Pacific. *Built Environment*, 18: 27-40.
- Southwick, C.H. 1996. *Global ecology in human perspectives*. Oxford: Oxford University Press.
- Srirat Ketmuang. 2003. Local residents' and tourists' attitudes toward tourism development in Phuket, Thailand: A case study at Patong beach. PhD thesis, Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Sulong Mohamad. 2000. Pelancongan bertanggungjawab: satu strategi bagi menangani isu kemerosotan alam sekitar. Dlm. Jamaluddin Md. Jahi (ed.). *Pengurusan persekitaran di Malaysia: Isu dan cabaran*. Bangi: Pusat Pengajian Siswazah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 233-256.
- Tourism Malaysia. 2009. [http://www.tourism.gov.my/corporate/research.asp?page=facts\\_figures](http://www.tourism.gov.my/corporate/research.asp?page=facts_figures)
- Tridech, S. 1993. Environmental management of coastal tourism development in Thailand. *ESCAP Tourism Review*, 11: 167-175.
- Udayana State University. 1975. *The impact of tourism on village community development*. (translation). Denpasar: Udayana State University.
- United Nations. 1995. *Guidelines on environmentally sound development of coastal tourism*. New York: United Nations.
- Wiseschinda, W. & Sukasaem, O. 1995. *Socio-economic impact of the development of tourism in Cha-Am and Hua-Hin*. Bangkok: Social Research Institute of Chulalongkorn University.

*Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA)*  
*Universiti Kebangsaan Malaysia*  
43600 UKM, Bangi, Selangor, MALAYSIA.  
E-mail: [jamalmj@ukm.my](mailto:jamalmj@ukm.my)